

# Malam Laungan Rasa Sehati Sejiwa gamat lontaran suara ahli akademik

**KUALA LUMPUR 13 Sept.** - Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM) digamatkan dengan lontaran suara oleh lebih 20 ahli akademik tempatan yang mendeklamasi puisi dalam Malam Laungan Rasa Sehati Sejiwa.

Persembahan yang bermula pukul 9 malam itu disaksikan 5,000 mahasiswa UPM, Universiti Limkokwing, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan beberapa universiti awam tempatan lain.

Acara bermula dengan lagu *Negaraku* dan *1Malaysia Negaraku*, seterusnya persembahan pencak silat patriotik daripada pelajar Universiti Limkokwing dan tarian kebudayaan daripada pelajar UPM.

Sebelum meneruskan acara, hadirin turut membaca al-Fatihah dan bertafakur bagi menghormati kemangkatan Sultan Kedah Ke-28, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, kelmarin.

Kemuncak acara, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris

Jusoh turut menyampaikan puisi berjudul *Makna Merdeka, Makna Kita* yang mendapat tepukan gemuruh kerana berjaya memukau perhatian pelajar.

Terdahulu, persembahan puisi *Penyatuan Bangsa* daripada Ketua Sekolah Warisan dan Peradaban Universiti Islam Malaysia (UIM), Cyberjaya, Prof. Tan Sri Dr. Abdul Latiff Abu Bakar; Naib Canselor UPM, Prof. Datin Dr. Aini Ideris dan Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Profesor Negara, Prof. Datuk Dr. Raduan Che Rose.

Seterusnya, persembahan daripada lima ahli akademik profesor yang bergabung dalam puisi *medley* yang berjudul *Jangan Berduka Malaysiaku* karya Kamala yang terdiri daripada Prof. Datuk Dr. Mohamed Fadzil Che Din; Prof. Dr. Fatimah Ahmad dan Prof. Datuk Dr. Ahmad Mujahid Ahmad Zaidi dari UPNM; Prof. Dr. P. Sivamurugan (Universiti Malaysia Kelantan) dan Prof. Datuk Mad Nasir Shamsudin (UPM).

Suasana dewan diredakan dengan persembahan nyanyian pelajar Universiti Sains Malaysia



AINI IDERIS mendeklamasi puisi dalam majlis Malam Laungan Rasa Sehati Sejiwa di Dewan Besar UPM, Serdang, Selangor, semalam.

(USM), Bella Latiff dengan lagu yang berjudul *Pahlawanku* dan *Puteri Santubong* daripada pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Intan Norazlina.

Sementara itu, puisi artistik berjudul *Para Pendidik* pula dideklamasikan oleh beberapa ahli akademik, antaranya Prof. Emeritus Datuk Dr. Wan Hashim Wan Teh (UPNM) dan Dr. Lim Swee Tin (UPM).

Sebelumnya puisi berlagu daripada Prof. Emeritus Datuk Dr. Hashim Yaacob (bekas Naib

Canselor Universiti Malaya).

Majlis terus digamatkan dengan persembahan daripada artis popular, Ning Baizura yang turut mendendangkan tiga buah lagu berjudul *Tanah Pusaka, To Know Malaysia* dan *Awan Yang Terpilu*.

Semangat patriotik terus disemarakkan apabila 84 Pegawai Kadet UPNM turut membuat persembahan tarian perang bertemakan *Gerakan Patriotik dan Tugu*.

Yang turut hadir, Pengurus Komunikasi Korporat Kumpulan Utusan, Nik Anura Nik Abdul Rahman.